KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21.07.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

Cadang beri subsidi bil elektrik bersasar

Kuala Lumpur: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan mencadangkan kepada jemaah menteri mengenai pemberian subsidi bil elektrik bersasar untuk tempoh kitaran Pelepasan Kos-Kos Tidak Seimbang (ICPT) yang akan datang.

Menteri berkenaan **Datuk Seri Takiyuddin Hassan** berkata, KeTSA merancang mengutamakan penggunaan bahan api murah untuk penjanaan elektrik yang merupakan antara pelan mitigasi jangka panjang bagi mengatasi krisis tenaga global dan kos ICPT yang dijangka meningkat.

"Sekarang ini semua sama (golongan) M40 pun (terima rebat) dua sen setiap kilowatt per jam (kWj), B40 dua sen dan T20 pun dua sen, semua menikmati rebat dua sen ini dalam bekalan elektrik negara kita.

"Tapi masa akan datang mungkin diperlukan bersasar, mungkin T20 akan dikenakan surcaj atau ICPT ini," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Abdul Latiff Abdul Rahman (Pas-Kuala Krai)** mengenai langkah kementerian untuk melindungi rakyat yang berhadapan dengan krisis tenaga global sehingga menyebabkan peningkatan kos harga bahan api.



TAKIYUDDIN

Pada 24 Jun lalu, kerajaan bersetuju untuk menampung subsidi elektrik berjumlah RM5.8 bilion bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2022 meskipun berlaku peningkatan mendadak kos bahan api di pasaran global sebagai langkah mitigasi jangka pendek berdepan krisis tenaga global.

Takiyuddin berkata, kementerian berkenaan turut menyediakan Pelan Pembangunan Penjanaan jangka masa panjang yang menetapkan hala tuju bagi perancangan pembekalan elektrik negara.

RINGKAS

16,381 guru sudah dapat penempatan

Kuala Lumpur: Seramai 16,381 orang guru yang diambil melalui pengambilan khas sudah ditempatkan di sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) bagi mengisi kekosongan sedia ada.

Menterinya, Datuk Dr Radzi Jidin berkata, secara keseluruhannya, KPM mengumumkan pengambilan khas seramai 18,702 pegawai perkhidmatan pendidikan Gred DG41 secara one off pada Jun lalu.

Mengulas lanjut beliau berkata, urusan 16,381 daripada keseluruhan guru itu sudah selesai dilaksanakan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

"Daripada jumlah itu, seramai 13,770 orang adalah lantikan secara tetap manakala 2,611 lantikan secara kontrak," katanya

BH210722_18